

Kerajaan perlu sedikit masa kaji cadangan pinda AUKU

UM 17 JUL 2001

KUALA LUMPUR 16 Julai – Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan memerlukan sedikit masa untuk mengkaji cadangan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 kerana mahu memastikan ia membawa keputusan yang baik.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menolak sesetengah pandangan yang meminta pindaan itu disegerakan tanpa perlu membuat kajian kerana tidak mahu kelak menimbulkan kesan yang tidak baik.

“Kalau kita buat sesuatu pindaan yang membawa keputusan yang tidak baik, kemudian orang akan kata tengoklah kita buat sesuatu dengan cara gopoh.

“Sebab itulah kita akan ambil sedikit masa,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Forum

Tenaga Elektrik Malaysia 2001 di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika mengulas kenyataan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Aziz Shamsuddin semalam, bahawa kerajaan akan mempercepatkan kajian AUKU bagi membolehkan pindaan terhadap peraturan tertentu dalam akta itu dilaksanakan tahun depan.

Menurutnya, kajian itu akan dipercepatkan untuk memastikan pelajar di pusat pengajian tinggi tidak terus dipengaruhi dengan unsur-unsur yang boleh merosakkan keamanan negara.

Sementara itu, Perdana Menteri turut diminta mengulas mengenai perhimpunan 500 penyokong reformasi di hadapan Kem Tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di Kamunting, Taiping, semalam.

Dr. Mahathir tidak menganggap ia hanya perkara kecil yang tidak harus digembar-gemburkan.

“Ini merupakan budaya baru untuk protes terhadap apa sahaja.

“Saya diberitahu bahawa 100,000 orang akan memprotes mesyuarat kumpulan tujuh negara maju (G-7) di Itali, itu lagi besar daripada di Malaysia yang mungkin hanya melibatkan 30 hingga 100 orang,” katanya.

Justeru Perdana Menteri berpendapat tidak ada sesiapa yang perlu bimbang mengenai perhimpunan itu.

Dalam perhimpunan tersebut, 41 penyokong reformasi termasuk 10 wanita ditahan kerana berkumpul secara haram.